

KASIH Malaysia anjur latihan di rumah untuk pelajar khas

Shah Alam: Dalam usaha memastikan akses pendidikan kepada semua, Pertubuhan Kebajikan Amal Silaturrahim Isteri-Isteri Harapan Malaysia (KASIH Malaysia), melancarkan program Sinar Kasih, semalam.

Sinar Kasih adalah program *home coaching* atau latihan di rumah untuk pelajar berkeperluan khas, khususnya pelajar sekolah menengah yang menghidap penyakit kronik dan orang kelainan upaya (OKU).

Program dengan kerjasama Kementerian Pendidikan dan Management & Science University (MSU) itu juga berperanan membantu pelajar dalam aspek khidmat nasihat serta kaunseling.

Yang Dipertua KASIH Malaysia, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali, berkata Sinar Kasih adalah prog-

ram mulia kerana selama ini pertubuhan kebajikan lebih banyak memberi tumpuan kepada pelajar miskin tetapi sihat.

“Kita terlepas pandang pada golongan yang menghidap penyakit kronik sedangkan mereka juga berhak dan berminat untuk mendapatkan pelajaran seperti rakan mereka yang lain.

“Program ini akan memberi peluang kepada mereka di mana sekurang-kurangnya mereka belajar sehingga peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM),” katanya pada sidang media selepas merasmikan Majlis Pelancaran Program Sinar Kasih, di Dewan Canselor MSU, di sini.

Yang turut hadir, Menteri Industri Utama, Teresa Kok; Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Sai-



Dr Siti Hasmah Mohd Ali

fuddin Nasution Ismail; Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub; Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad; Menteri Wilayah Persekutuan, Khalid Samad serta Menteri Luar, Datuk Saifuddin Abdullah.

Bersama mereka ialah Presiden MSU, Prof Tan Sri Dr Mohd Shukri

Ab Yajid; Timbalan Yang Dipertua KASIH Malaysia, Datin Seri Shamsidar Taharin; Pengarah Program Sinar Kasih, Datin Norlin Shamsul Bahri dan Naib Canselor MSU, Puan Sri Dr Junainah Abd Hamid.

Nasihat jaga emosi

Dr Siti Hasmah, dalam ucapannya, turut menceritakan pengalaman beliau menjaga anak OKU (Spastik) berusia 17 tahun tetapi berperwatakan seperti 10 tahun melalui program seperti ini suatu ketika dulu.

Beliau menasihatkan mereka yang terbabit dalam program ini terutamanya guru, supaya sentiasa menjaga emosi diri sendiri termasuk pelajar yang akan mereka ajar.

“Saya pernah jaga seorang anak yang istimewa, namun apabila be-

liau meninggal dunia, saya tidak mampu menerima pemergiannya berikutan sudah terikat secara emosi,” katanya.

Sementara itu, Norlin berkata untuk permulaan, dua pelajar tingkatan empat dari setiap 46 kawasan Parlimen akan dipilih untuk menyertai program berkenaan yang dijangka bermula pada pertengahan tahun ini.

“Pada awalnya, kami hanya tumpu kepada kawasan Parlimen yang diwakili oleh menteri dan timbalan menteri Kabinet dan jika ia berjaya, kami akan kembangkan ke setiap kawasan di seluruh negara.

“Program ini dijalankan bersama pelajar tingkatan empat supaya kami dapat membimbing dan melihat perkembangan mereka sehingga mereka menduduki SPM,” katanya.